

28 FEB 2002

Mahathir-Islam

NEGARA ISLAM DIMINTA BERSATU PERBETUL TANGGAPAN

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Islam perlu merapatkan barisan dalam usaha memperbetulkan tanggapan pihak lain terhadap Islam dan mencari penyelesaian bagi segala permasalahan dunia Islam.

Perdana Menteri berkata Islam kini "dizalimi" oleh media kerana masyarakat Islam tidak bersatu dan bekerjasama walaupun mereka kaya dan mempunyai banyak kemampuan.

"Apabila kita bersatu dan bekerjasama, kita akan dapat mengubah gambaran terhadap Islam. Kita mampu memperjelaskan isu dengan lebih baik dan bersama dalam menyelesaikan setiap permasalahan," katanya dalam temubual dengan stesen televisyen Al-Jazeera di London yang disiarkan secara langsung awal hari ini.

Dr Mahathir berkata Malaysia berharap bahawa pada mesyuarat Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) akan datang di sini, negara-negara Islam dapat mencapai persetujuan untuk sama-sama mempertahankan Islam dan mengubah gambaran bahawa Islam dan keganasan adalah sesuatu yang sama.

"Kami berharap persidangan yang akan diadakan tahun depan itu dapat mengeluarkan keputusan lebih bernas daripada negara Islam bagi mengatasi masalah umat Islam seluruh dunia, terutamanya tuduhan bahawa orang Islam sebagai pengganas, tidak bertanggungjawab dan tidak mampu membangunkan negara," katanya.

Dr Mahathir menjawab soalan mencakupi pelbagai aspek termasuk usaha menentang keganasan, pembangunan negara Islam, senario politik di Malaysia dan cara negara ini menangani kegawatan ekonomi.

Ditanya sama ada cara yang diambil Amerika Syarikat bagi memerangi keganasan akan berhasil, beliau berkata strategi yang dipakai tidak betul.

"Saya fikir strateginya tidak betul. Kami cuba menerangkan pengalaman kami di Malaysia ketika kami cuba membasmi keganasan. Kami cuba mengenal pasti punca keganasan dan seterusnya membasmi punca itu.

"Saya sudah menyatakan puncanya ialah isu Palestin. Selagi isu ini tidak diselesaikan, selagi itulah mereka tidak akan dapat menghapuskan pengganas," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, ramai lagi akan melakukan keganasan akibat tidak sanggup menahan musibah yang menimpa seperti apa yang berlaku di Palestin.

Dr Mahathir berkata Malaysia menyokong usaha membasmi keganasan tetapi tidak menyokong serangan terhadap Afghanistan ketika Amerika menjejaki pengganas yang dikatakan bertanggungjawab melakukan serangan berani mati di New York dan Washington 11 Sept tahun lepas.

Kepada pertanyaan mengenai pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata beliau belum lagi membuat keputusan sama ada akan bertanding atau tidak.

Ditanya bila keputusan itu akan dibuat, beliau berkata: "Bila tiba masanya. Saya juga perlu mendapatkan pandangan ahli (Umno) yang lain. Seandainya mereka menghendaki saya mengundurkan diri, saya akan berbuat demikian.

"Dan seandainya mereka mahu mengekalkan saya, saya akan meneruskan tugas saya, saya mengikut kehendak parti."

-- BERNAMA

MAM MAM MAI